

SR/05/02/2023

Khamis, 9 Februari 2023

Koperasi Industri Kreatif bangunkan kebudayaan Sarawak

KUCHING, 9 Feb - Koperasi Industri Kreatif iaitu satu koperasi baharu di Sarawak berhasrat membangunkan kebudayaan Sarawak dalam bidang perfileman.

Demikian antara intipati perbincangan semasa kunjungan hormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick kepada Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg di Tingkat 22, Wisma Bapa Malaysia, di sini, pagi tadi.

Kunjungan hormat tersebut juga bertujuan memperkenalkan pimpinan di bawah kementeriannya selepas kerajaan perpaduan dibentuk.

Antara lain, Datuk Ewon turut memaklumkan kepada Premier dan kerajaan Sarawak mengenai wawasan dan program-program yang akan diadakan di seluruh negara terutamanya yang khusus untuk Sarawak.

“Premier turut memberi input mengenai pembangunan usahawan belia dalam industri kreatif dan beberapa sektor keusahawanan belia di Sarawak agar dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan Sarawak.

“Usahawan atlet sukan dan industri kreatif di Sarawak akan menjadi fokus tambahan dalam pendekatan kita melaksanakan pelan strategi dan pelan pembangunan usahawan di peringkat kementerian termasuk Sabah.

“Komitmen saya dan kementerian dalam memastikan ada penyertaan kepimpinan Sarawak dalam agensi-agensi kita sebagai Ahli Lembaga Pengarah supaya

perbincangan di agensi tersebut dapat menggambarkan pandangan daripada semua wilayah di negara kita,” ujar Ewon semasa ditemui pemberita usai kunjungan hormat.

Menyentuh mengenai perkembangan sektor koperasi selepas COVID19, beliau memaklumkan dibawah program pembangunan koperasi ada menyediakan geran koperasi, tabung modal pinjaman kepada koperasi-koperasi yang ingin membina semula perniagaan koperasi mereka selain melaksanakan moratorium semasa pandemik bagi meringankan beban pihak terkesan. **-TAMAT-**

Disediakan oleh: Joshua Amir Sibat (BMKK)
Jurufoto: Chua Sim Choon (BKVS)

Keterangan gambar:

F1- Datuk Ewon Benedick berdiskusi bersama Abang Johari.

F2-Rombongan kunjungan hormat Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi merakamkan gambar kenangan bersama Abang Johari usai sesi kunjungan hormat.

F3-Datuk Ewon (kedua kiri) berdiskusi bersama Abang Johari (dua kanan). Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Dato' Sri Suriani Ahmad (kiri) dan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah (kanan).

F4&F5-Ewon menyerahkan cendera kenangan kepada Abang Johari.